

PENERANGAN UMUM

MYTV Broadcasting Sdn Bhd (MYTV) adalah penyedia infrastruktur Penyiaran TV Digital Terrestrial di Malaysia yang memberikan perkhidmatan kepada para penyiar Percuma Ke Udara (**Free-To-Air** atau FTA). Terdapat beberapa lagi penyedia perkhidmatan infrastruktur penyiaran digital TV seperti penyiaran melalui satelit dan kabel. Para penyiar di Malaysia boleh memilih untuk bersiaran di mana-mana platform berdasarkan keperluan komersial mereka.

Kadar fi akses perkhidmatan yang dikenakan kepada kesemua para penyiar FTA adalah berdasarkan kepada format saluran sama ada Definisi Tinggi (High Definition) atau Definisi Standard (Standard Definition) dan Service Level Availability. Fi akses yang dikenakan untuk setiap penyiar FTA swasta adalah sama, berdasarkan Mandatory Standard on Access Pricing (MSAP) yang di kawal oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) di mana kadar siling telah ditetapkan bagi setiap perkhidmatan yang disediakan.

Para Penyiar yang berada di platform MYTV mendapat akses terus kepada sejumlah 6.4 juta penonton. Ini adalah hasil daripada aktiviti promosi pemasaran secara agresif yang telah menghasilkan lonjakan jumlah penonton yang signifikan dalam tempoh 4 tahun daripada 5.1 juta pada tahun 2019 kepada 6.4 juta penonton pada tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak 25% berdasarkan kajian oleh Nielsen.

Dengan promosi berterusan yang dilaksanakan MYTV, jumlah ini dijangka akan terus meningkat dimasa akan datang. Walau bagaimanapun, faktor utama yang mempengaruhi jumlah penonton sesuatu saluran TV adalah kandungan yang disiarkan oleh penyiar itu sendiri.

-SEKIAN-

MYTV Broadcasting Sdn Bhd (897549-X).